

# SUMBANGAN BUKU AMAT BERMAKNA - DEKAN FPP



*Dr. Kamariah memperkatakan sesuatu kepada pelajar dan pegawai keselamatan tentang buku yang didermakan oleh fakulti*  
- Foto Ahmad Fua'ad Alwi

**SERDANG:** Seperti aur dengan tebing itulah ibarat kata pepatah mengenai hubungan erat antara universiti dan masyarakat. Hubungan ini bukan sahaja sekadar hubungan azali tetapi ia harus diteruskan untuk memberi manfaat diantara kedua-dua belah pihak.

Sebagai satu usaha ke arah itu Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP) mengadakan Majlis Penyampaian Khazanah Ilmu kepada anak-anak Kem-

Wardieburn dan anak yatim dari asrama Darul Izzah, Bangi.

Majlis yang berlangsung bertempat di Bilik Sidang, fakulti itu baru-baru ini di sempurnakan oleh Dekan, Prof Madya Dr Kamariah Abu Bakar.

Semasa berucap dalam majlis tersebut Dr Kamariah memberitahu Fakulti Pendidikan sedia berkerjasama dengan semua pihak sama ada dalam atau luar kampus bagi merangka program yang berbentuk pen-

didikan demi merealisasikan misi pendidikan negara.

“Bertemakan dari fakulti untuk komuniti majlis ini bertujuan untuk meneruskan usaha fakulti dalam membentuk budaya ilmu khususnya melalui pemupukan budaya membaca dikalangan pelajar,: kata Dr Kamariah.

Selain itu katanya pihak fakulti menggunakan pendekatan seperti ini untuk memberi ruang dan mencetuskan minat anak-anak di Kem Wardieburn dan Darul Izzah untuk menjadikan budaya membaca sebagai satu keperluan dalam hidup mereka.

Majlis ini dianjurkan dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Bakti Ehsan (YPBE). Sebanyak kira-kira 500 buah buku pelbagai judul hasil penerbitan pensyarah fakulti telah didermakan kepada kedua-dua pihak berkenaan.